

**BAHAGIAN PEPERIKSAAN DAN PENILAIAN
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI
KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI**

**PEPERIKSAAN AKHIR TEORI
SESI II : 2024 / 2025**

SIJIL PENGOPERASIAN PERNIAGAAN

**SPP 30293
PENGURUSAN SISTEM MAKLUMAT**

Dua (2) jam

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

ARAHAN UMUM

1. Kertas soalan ini mengandungi **DUA (2)** bahagian iaitu **Bahagian A** dan **Bahagian B**.
2. Jawab **semua** soalan di kedua-dua bahagian.
3. Bahagian A mengandungi **Dua Puluh (20)** soalan aneka pilihan dengan empat pilihan jawapan **A, B, C** dan **D**. Bagi tiap-tiap soalan, pilih **satu** jawapan sahaja. **Hitamkan** pilihan jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.
4. Bahagian B mengandungi **Tiga (3)** soalan subjektif. Tuliskan jawapan anda dalam buku jawapan yang disediakan.
5. Kertas soalan ini hendaklah dikembalikan semula kepada Pengawas setelah tamat peperiksaan.

Kertas soalan ini mengandungi **SEPULUH (10)** halaman bercetak termasuk halaman hadapan.

BAHAGIAN A*[40 markah]*Arahan: Jawab **SEMUA** soalan.

1. Apakah definisi sistem maklumat? CLO1
T1
- A** Sistem maklumat adalah di mana semua maklumat tentang sesebuah organisasi di simpan di dalamnya.
- B** Sistem maklumat adalah sistem yang direka untuk membantu organisasi menyimpan maklumat perniagaan sahaja.
- C** Sistem maklumat adalah kaedah di mana sesebuah organisasi menguruskan bahagian yang berkaitan perniagaan.
- D** Sistem maklumat adalah satu set komponen yang dihubungkan antara satu sama lain untuk penerimaan, pemprosesan, penyebaran dan simpanan data.
2. Antara yang berikut, manakah aktiviti asas sistem maklumat? CLO1
T1
- A** Input, Data dan Proses
- B** Input, Proses dan Output
- C** Data, Proses dan Maklumat
- D** Penerimaan, Pemprosesan dan Penyebaran
3. _____ adalah merupakan kaedah di mana sesebuah organisasi menguruskan bahagian yang berkaitan di dalam perniagaan yang menyokong kepada pencapaian objektif organisasi. CLO1
T1
- A** Sistem pakar
- B** Sistem sokongan
- C** Sistem pengurusan
- D** Sistem pemprosesan


4. Berikut adalah contoh-contoh proses menukarkan data mentah kepada maklumat yang bermakna **KECUALI** CLO1
T1
- A proses pengiraan.
 - B maklumat permohonan.
 - C semakan data berulang.
 - D penggabungan maklumat.
5. Perisian komputer ialah satu set arahan atau program yang mengawal dan mengendalikan operasi komputer. Apakah dua jenis utama perisian komputer? CLO1
T1
- A Perisian iOS dan perisian Android
 - B Perisian operasi dan perisian sistem
 - C Perisian sistem dan perisian aplikasi
 - D Perisian aplikasi dan perisian komputer
6. Manakah antara berikut adalah contoh data di dalam komponen sistem maklumat? CLO1
T1
- A Tetikus, papan kekunci, pengimbas
 - B Microsoft Windows, Macintosh, Linux
 - C Analisis jualan, jadual gaji, senarai permohonan
 - D Nama pelajar, nombor pendaftaran pelajar, markah pelajar
7. Peranti input adalah perkakasan komputer yang digunakan untuk pengguna memasukkan data ke dalam memori. Apakah contoh peranti input? CLO1
T2
- A Papan kekunci
 - B Pembesar suara
 - C Ingatan capaian rawak
 - D Unit pemprosesan berpusat

8.

Semakin besar _____ yang digunakan maka semakin laju kita boleh membuka aplikasi, melayari laman sesawang atau menyunting hamparan.

CLO1
T2
- A** pemacu keras
B sistem operasi
C perisian aplikasi
D ingatan capaian rawak
9. Apakah tugas utama perisian sistem? CLO1
T2
- A** Menyimpan data yang ingin diproses dari platform perisian ke dalam komputer
B Melaksanakan operasi logik dan aritmetik dan sambungan kawalan perkakasan
C Membenarkan maklumat yang telah diproses sedia untuk digunakan antara komputer
D Mengawal operasi komputer dan perantinya daripada komputer dihidupkan sehingga ia dimatikan
10. Apakah contoh perisian sistem? CLO1
T2
- A** Windows 11
B Microsoft Office
C Google Chrome
D Adobe Photoshop
11. Berikut ialah penerangan mengenai rangkaian kawasan metropolitan **KECUALI** CLO1
T2
- A** bilangan komputer yang dirangkaikan adalah lebih banyak.
B antara contoh rangkaian ini adalah seperti Selangor Wifi dan KL Wifi.
C ia disambungkan dengan beberapa medium antaranya ialah isyarat satelit.
D rangkaian ini lazimnya meliputi suatu kawasan geografi yang agak luas berbanding dengan rangkaian yang diliputi oleh LAN.

12.

CLO1T2

Rajah 1

Manakah antara berikut merupakan rangkaian yang digunakan oleh Rajah 1?

- A** Rangkaian Kawasan Luas (WAN)
- B** Rangkaian Kawasan Kampus (CAN)
- C** Rangkaian Kawasan Setempat (LAN)
- D** Rangkaian Kawasan Metropolitan (MAN)

13. Antara berikut yang manakah perisian berniat jahat?

CLO1T3

- A** Virus, Cacing (*worms*), Kuda *Trojan*, Perisian pengintip (*spyware*)
- B** Perisian pengintip (*spyware*), Cacing (*worms*), Virus, Pencerobohan komputer (*hacking*)
- C** Pencerobohan komputer (*hacking*), Pancingan data (*phishing*), *Spamming*
- D** *Spamming*, Perisian pengintip (*spyware*), Pencerobohan komputer (*hacking*)

14. Apakah definisi virus komputer?

CLO1T3

- A** Program yang membuat kecurian maklumat penting dalam sesebuah komputer.
- B** Program yang bersembunyi dan menyerupai perisian yang berguna dalam komputer.
- C** Program yang memasang diri sendiri ke dalam komputer untuk mengawal aktiviti pelayaran web.
- D** Program perisian yang direka untuk disebarkan dari satu komputer ke komputer lain bertujuan mengganggu operasi komputer.

15. Manakah antara berikut adalah jenayah komputer?

CLO1

T3

- I *Rootkit*
- II Perisian pengintip (*spyware*)
- III Pancingan data (*phishing*)
- IV Pencerobohan komputer (*hacking*)

- A I, II
- B I, III
- C II, III
- D III, IV

16.

Membangunkan satu laman sesawang yang menyerupai sebuah bank yang dikenali untuk meminta maklumat peribadi seperti nama pengguna dan kata laluan.

CLO1

T3

Kenyataan di atas merupakan kaedah jenayah komputer yang dilakukan untuk memperdayakan pengguna. Apakah jenayah tersebut?

- A *Spamming*
- B Pancingan data (*phishing*)
- C Perisian pengintip (*spyware*)
- D Pencerobohan komputer (*hacking*)

17. Antara berikut yang manakah jenis kawalan sistem maklumat di dalam kawalan am?

CLO1

T3

- I Kawalan input – menyemak ketetapan data
- II Kawalan proses – memastikan data sentiasa dikemaskini
- III Kawalan perisian – mengelakkan akses yang tidak dibenarkan
- IV Kawalan perkakasan – memastikan keselamatan fizikal perkakasan

- A I, II
- B I, III
- C II, IV
- D III, IV

18. Berikut adalah kebaikan penggunaan teknologi maklumat kepada perniagaan CLO1
KECUALI T4

- A** penggunaan komputer dapat dikurangkan dalam organisasi.
- B** penggunaan perisian aplikasi digital memudahkan pemprosesan dan pencarian data.
- C** penggunaan alatan digital dan media sosial menjimatkan masa dalam proses automasi dan pembuatan keputusan.
- D** penggunaan telefon pintar dan keupayaan internet berkelajuan tinggi memudahkan proses komunikasi di antara semua pihak.

19. _____ adalah pasukan pakar teknikal yang mempunyai CLO1
kepakaran dalam membangunkan perisian dan sistem bagi kegunaan T4
pengguna.

- A** Pengguna akhir
- B** Pengatur cara sistem
- C** Penganalisis sistem
- D** Pakar keselamatan sistem

20. Apakah implikasi yang mungkin berlaku kepada mutu kehidupan individu jika CLO1
tidak mengamalkan etika yang betul dalam penggunaan sistem maklumat? T5

- A** Hak peribadi tidak terganggu
- B** Hak hasil kerja boleh disalahguna
- C** Kurang hubungan dalam keluarga
- D** Maklumat peribadi boleh disebarikan tanpa pengawalan

BAHAGIAN B*[60 markah]*

Arahan: Jawab **SEMUA** soalan.

Soalan 1

- a) Berikan definisi perisian berikut: CLO1
i) Perisian sistem T1
[2 markah]
ii) Perisian aplikasi *[2 markah]*
- b) Terangkan **DUA (2)** aktiviti asas sistem maklumat. CLO1
[4 markah] T1
- c) i) Terangkan **DUA (2)** komponen sistem maklumat. CLO1
[4 markah] T1
ii) Berikan contoh yang bersesuaian bagi setiap komponen yang dinyatakan di
soalan i). *[2 markah]*
- d) Terangkan **TIGA (3)** kelebihan menggunakan teknologi maklumat bagi CLO1
menambahbaik proses perniagaan. T4
[6 markah]

Soalan 2

- a) Senaraikan **EMPAT (4)** contoh perkakasan peranti input. CLO1
[4 markah] T2
- b) i) Terangkan **SATU (1)** komponen peranti pemprosesan. CLO1
[2 markah] T2
- ii) Berikan contoh yang bersesuaian komponen yang dinyatakan di soalan i). [2 markah]
- c) Terangkan **DUA (2)** jenis perisian aplikasi. CLO1
[4 markah] T2
- d) Terangkan jenis rangkaian berikut. CLO1
- i) Rangkaian Kawasan Luas - *Wide Area Network* (WAN) T2
[2 markah]
- ii) Rangkaian Kawasan Metropolitan - *Metropolitan Area Network* (MAN) [2 markah]



Rajah 2

- e) Rajah 2 menunjukkan rangkaian di rumah Encik Ali.
- i) Apakah jenis rangkaian internet yang digunakan oleh Encik Ali? [1 markah]
- ii) Terangkan jenis rangkaian tersebut. [3 markah]

Soalan 3

- a) i) Senaraikan **EMPAT (4)** perisian berniat jahat (*malicious software*). CLO1
[4 markah] T3
- ii) Berikan **DUA (2)** jenis jenayah komputer.
[2 markah]
- b) i) Apakah yang dimaksudkan dengan cacing (*worms*)? CLO1
[2 markah] T3
- ii) Bagaimana ia boleh menyebabkan kerosakan kepada sistem komputer?
[2 markah]
- c) Terangkan **TIGA (3)** kawalan aplikasi yang digunakan dalam organisasi. CLO1
[6 markah] T3
- d) Terangkan **DUA (2)** dimensi moral dalam zaman maklumat. CLO1
[4 markah] T5

SOALAN TAMAT
Selamat Menjawab